

Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Bangunan Sekolah Kolonial: Kajian Kes di Sekolah Tinggi Muar, Johor

Muhammad Nazim Narsahruddin¹ & Indera Syahrul Mat Radzuan^{1,2,*}

¹Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

² Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

* Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2022.03.02.046>

Received 30 September 2022; Accepted 1 November 2022; Available online 1 December 2022

Abstract: A colonial building is an asset that displays the heritage and history of the country's culture and it should be preserved for future generations. In order to perpetuate and prolong the life of colonial buildings, conservation and maintenance efforts on colonial buildings must be done according to specific standards and specifications. The objective of this study is to identify the concept and importance of maintenance on the conservation of old buildings and to study the issues and problems in the maintenance and conservation of the High School Muar, Johor. The school building was chosen because the building has been gazetted by Department of National Heritage as a heritage building that is of 100 years old under the National Heritage Act 2005 (Act 645). This study used the interview method. The respondents of this study consists of principal, teachers and maintenance managers. The results of this study have found that there are some problems that existed before carrying out conservation and maintenance work on the colonial buildings under studied.

Keywords: Conservation, Maintenance, Colonial Building, Muar, Heritage School

Abstrak: Bangunan kolonial merupakan aset yang memaparkan warisan dan sejarah serta pembentukan budaya sesebuah negara dan perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Bagi mengabadikan dan memanjangkan hayat bangunan kolonial, usaha-usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan terhadap bangunan kolonial perlu dilakukan mengikut piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep dan kepentingan penyelenggaraan terhadap pemuliharaan bangunan-bangunan lama dan mengkaji isu serta masalah yang dihadapi dalam penyelenggaraan dan pemuliharaan di Sekolah Tinggi Muar, Johor.

Bangunan sekolah ini dipilih disebabkan bangunan tersebut telah diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara sebagai bangunan warisan yang berusia genap 100 tahun di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kajian ini menggunakan kaedah temubual. Responden kajian ini adalah terdiri daripada pengetua, guru dan pengurus penyelenggaraan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang wujud sebelum melaksanakan kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan pada bangunan kolonial yang dikaji.

Kata Kunci: Pemuliharaan, Penyelenggaraan, Bangunan Kolonial, Muar, Sekolah Warisan

1. Pengenalan

Pemuliharaan dan penyelenggaraan merupakan satu bidang yang melibatkan kerja-kerja pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan kolonial daripada mengalami kemusnahan dan kerosakkan. Kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial juga adalah untuk mengurangkan kegagalan, kecacatan serta menjamin keselamatan dan keselesaan ke atas bangunan kolonial tersebut (Shukoor, 2016). Pemuliharaan bangunan kolonial adalah amat penting dan aspek penyelenggaraan sememangnya tidak boleh dipandang remeh kerana umum mengetahui bahawa penyelenggaraan merupakan perkara utama bagi memastikan usia bangunan dapat dipanjangkan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia mempunyai koleksi bangunan kolonial yang sangat kaya, bervariasi dan unik. Senibina bangunan kolonial kebanyakannya seperti bangunan pentadbiran kerajaan, bangunan awam, sekolah dan struktur serta monumen seperti jambatan dan menara jam. Oleh itu, pemuliharaan bangunan kolonial perlu diselenggara dengan baik. Tindakannya termasuk penyelenggaraan berjadual dan perawatan mengikut keadaan-keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuai gunaan (Ahmad Ramli, 2002).

Kesedaran terhadap kepentingan untuk pulihara bangunan kolonial dan bangunan bersejarah adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam kalangan masyarakat dan bukan hanya tanggungjawab pihak kerajaan semata-mata. Tanpa usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan yang berjadual, dikhawatirkan bangunan kolonial dan bangunan bersejarah ini akan musnah. Oleh itu, usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial di Malaysia hendaklah dilakukan dalam apa cara sekalipun dari semasa ke semasa (Ahmad, 1997). Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi yang akan datang supaya dapat menikmatinya dalam bentuk sedia ada seperti ia dibina ratusan tahun dahulu atau sekurang-kurangnya dalam bentuk yang telah diguna semula seperti muzium, galeri, hotel, sekolah dan bukannya dalam lipatan sejarah atau buku rujukan yang terdapat di perpustakaan.

1.2 Penyataan Masalah

Isu keselamatan dan keselesaan penggunaan bangunan kolonial sering kali dipersoalkan. Pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial juga sering kali dipandang remeh. Kebanyakan bangunan kolonial yang digunakan sehingga kini mengalami kerosakan pada elemen dan struktur bangunan. Kerosakan yang berlaku secara tidak langsung akan melemahkan fabrik bangunan tersebut. (Fatimah *et al.*, 2011). Kerosakan ini turut merosakan pemandangan dan memberikan gambaran yang negatif terhadap usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan di mata orang awam dan para pelancong.

Menurut Fatimah *et al.* (2011), kebanyakkan pihak dalam industri binaan kurang memberi perhatian kepada aspek pemuliharaan dan penyelenggaraan. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial. Perkara ini dikeruhkan lagi dengan mengurangkan kos pemuliharaan dan penyelenggaraan bagi menjimatkan kos perbelanjaan harian

bangunan tersebut. Halini menyebabkan pengguna khuatir untuk menggunakan bangunan tersebut dan risau akan ditimpa sebarang kecelakaan serta kemalangan sekiranya menggunakan bangunan tersebut. Seterusnya, pemuliharaan dan penyelenggaraan merupakan perkara utama bagi memastikan usia bangunan dapat dipanjangkan (Hamsah, 2006). Di Malaysia, dapat dilihat bahawa kurangnya usaha-usaha pemuliharaan dan penyelenggaraan yang berterusan dan sistematik bagi mengelakkan bangunan kelihatan usang, menjadi beban kepada pemilik serta dikhuatiri bangunan kolonial ini akan musnah (Bill Hamilton dan Wan Salleh Wan Ibrahim, 2001). Selain itu, kesukaran untuk menentukan bahan-bahan asli juga merupakan satu masalah yang timbul untuk kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial ini (Nor Amiza Ismail, 2013). Teknik pembinaan, kualiti bahan dan bahan binaannya juga yang lazim sangat berbeza.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah terdiri daripada aspek-aspek berikut:

- (i) Apakah isu-isu yang dihadapi dalam penyelenggaraan dan pemuliharaan sekolah kolonial?
- (ii) Bagaimanakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan sekolah bagi memastikan sekolah peninggalan kolonial relevan dalam konteks semasa?

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk mencapai matlamat kajian ini iaitu:

- (i) Mengenalpasti konsep dan kepentingan penyelenggaraan terhadap pemuliharaan bangunan lama.
- (ii) Mengkaji isu dan masalah yang dihadapi dalam penyelenggaraan dan pemuliharaan sekolah kolonial di bandar Muar.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di bangunan sekolah kolonial yang terletak di bandar Muar. Sekolah yang dipilih adalah Sekolah Tinggi Muar. Terletak di Jalan Meriam, Taman Sri Tanjung, 84000 Muar, Johor. Bangunan Sekolah Tinggi Muar telah wujud sejak tahun 1915 lagi (Atom, 2021). Beberapa kriteria telah digariskan dalam pemilihan bangunan Sekolah Tinggi Muar. Kriteria yang digariskan untuk pemilihan bangunan Sekolah Tinggi Muar adalah seperti yang berikut:

- (i) Bangunan kolonial yang berada di bandar Muar dan berusia lebih 100 tahun.
- (ii) Sekolah ini masih digunakan dan beroperasi sehingga hari ini.
- (iii) Sekolah ini mempunyai nilai dari sudut sejarah dan kegemilangannya



Rajah 1: Bangunan Sekolah Tinggi Muar

2. Kajian Literatur

Kajian literatur membincangkan berkaitan pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial secara empirikal berdasarkan bahan-bahan rujukan seperti buku, jurnal, artikel, surat khabar, internet dan bahan-bahan yang boleh dijadikan rujukan kajian. Perbincangan termasuk definisi bangunan kolonial, definisi dan sejarah kewujudan sekolah kolonial, konsep pemuliharaan dan penyelenggaraan, kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan dan kategori penyelenggaraan dan isu serta masalah yang lazimnya berlaku ketika pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan colonial pada masa ini.

2.1 Definisi Pemuliharaan dan Penyelenggaraan

Pemuliharaan merupakan satu usaha penjagaan sesebuah bangunan lama daripada kerosakan dan kemusnahan. Pemuliharaan juga adalah satu tindakan untuk mengawal kemusnahan berterusan yang dialami oleh bangunan lama dan bangunan kolonial. Pemuliharaan merupakan satu aktiviti memulihara dan membaiki kerosakan pada bangunan bersejarah (Noraziah Hamid, 2000). Manakala, penyelenggaraan bermaksud memelihara, mempertahankan atau membaiki sesuatu (PERZIM, 2006). Penyelenggaraan juga boleh dirumuskan sebagai aktiviti memulihara, menjaga, mengendali dan mengawal selia bangunan, kemudahan, kelengkapan, perkhidmatan bangunan dan persekitarannya bagi memenuhi piawaian semasa, mempertahankan utiliti dan nilai fasiliti kemudahan serta selamat digunakan (User, 2016).

2.2 Kategori Penyelenggaraan

Penyelenggaraan terbahagi kepada dua kategori utama iaitu penyelenggaran terancang dan penyelenggaraan tidak terancang.

(a) Penyelenggaraan Terancang

Penyelenggaraan terancang juga melibatkan kerja penyelenggaraan yang dilakukan berdasarkan program pemeriksaan yang berkala dan jadual perancangan yang telah diatur bagi menepati polisi penyelenggaraan ke atas sesebuah bangunan. Penyelenggaraan terancang terbahagi kepada dua iaitu penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan pembinaan. Penyelenggaraan pencegahan dijalankan pada masa yang telah ditetapkan, dilaksanakan bagi tujuan pencegahan awal dan dilakukan sebelum berlakunya kerosakan (Azlan Shah Ali, 2013). Penyelenggaraan pencegahan terbahagi kepada dua iaitu penyelenggaraan berjadual dan penyelenggaraan berdasarkan keadaan. Manakala, penyelenggaraan pembinaan pula merupakan kerja pembinaan dan pembaharuan yang dilakukan selepas berlakunya sesuatu kerosakan ke atas bangunan. Dilakukan untuk membaiki fungsi bangunan tersebut supaya dapat beroperasi seperti sedia kala. Penyelenggaraan pembinaan ini memerlukan kos yang agak tinggi jika dibandingkan dengan penyelenggaraan pencegahan.

(b) Penyelenggaraan Tidak Terancang

Bagi penyelenggaraan tidak terancang pula, merupakan kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan tanpa perancangan awal. Penyelenggaraan tidak terancang ini akan dilakukan sekiranya berlaku kerosakan yang tidak dijangka pada bangunan. Penyelenggaraan tidak terancang terbahagi kepada dua iaitu penyelenggaraan kontigensi dan penyelenggaraan kecemasan. Penyelenggaraan kontigensi merupakan kerja penyelenggaraan yang dibuat apabila terdapatnya aduan yang diterima daripada pengguna sebelum sebarang tindakan diambil. Manakala, penyelenggaraan kecemasan merupakan kerja penyelenggaraan yang perlu dilakukan dalam kadar segera iaitu dalam jangka masa dua puluh empat jam dan harus dilakukan dengan segera untuk menghalang kerosakan supaya tidak menjadi semakin teruk.

2.3 Kepentingan Penyelenggaraan

(a) Nilai Seni Bina

Bangunan-bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi gaya seni bina. Bangunan warisan yang masih kekal sehingga hari ini kebanyakannya terdiri dari bangunan-bangunan zaman penjajahan barat atau lebih dikenali sebagai bangunan kolonial. Bangunan kolonial ini mempunyai pelbagai pengaruh dan gaya seni bina bangsa yang menjajah serta pengaruh perkembangan tamadun sesuatu tempat. Di Malaysia, bangunan-bangunan kolonial mempunyai pelbagai ciri rekabentuk seni bina asing yang telah diubahsuai dengan keadaan cuaca tempatan yang panas dan lembap. Pentingnya kerja penyelenggaran ke atas bangunan kolonial adalah untuk mengekalkan nilai seni bina dan mengekalkan elemen karektor serta reka bentuk seni bina yang unik ini (Hasnan Abdullah, 1994).

(b) Sejarah dan Nilai Warisan

Pengekalan bangunan dan kawasan bersejarah dapat dijadikan sebagai bahan-bahan bukti sejarah. Kesemua bahan-bahan sejarah seperti monumen, bangunan dan tapak bersejarah merupakan satu warisan yang amat berharga yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk generasi akan datang. Bangunan kolonial dan monument bersejarah mengimbaskan kembali era dan detik-detik sejarah yang dialami negara. Oleh itu, bagi mengekalkan nilai warisan budaya dan nilai sejarah serta kenangan tentang kewujudan sesebuah bandaraya penyelenggaraan perlulah dilakukan ke atas bangunan lama dan bangunan kolonial tersebut.

(c) Sektor Pelancongan

Bangunan kolonial dan bersejarah pada masa kini boleh dianggap sebagai salah satu industri atau bidang yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara kursusnya dalam sektor pelancongan. Bangunan bersejarah boleh diubahsuai untuk dijadikan sebagai muzium, galeri seni lukisan, restoran, tempat penginapan dan pusat pelancongan. Fenomena ini sudah menjadi kebiasaan bagi negara-negara terkemuka di Eropah seperti Perancis, Italy, Portogal, Jerman dan Belanda. Justeru, pemuliharaan dan penyelenggaran bangunan kolonial secara tidak langsung dapat menyokong industri pelancongan warisan negara.

(d) Pembentukan Minda

Penyelenggaraan dan pemuliharaan bangunan kolonial amat penting dalam pembentukan minda generasi muda negara terutamanya ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara. Bangunan kolonial merupakan aset negara yang patut dipelihara dan diwarisi. Dengan adanya bangunan warisan ini, generasi muda akan lebih menghargai dan peka kepada perkembangan sejarah negara. Secara tidak langsung, ia akan membentuk sebuah masyarakat yang sensitif terhadap sebarang perobohan dan pemusnahan ke atas bangunan dan monumen bersejarah. Sekiranya berlaku perobohan ke atas bangunan bersejarah, ianya bukan sahaja kehilangan bangunan bersejarah tetapi tidak dapat menunjukkan sejarah masa lalu kepada generasi akan datang. Justeru, pihak kerajaan boleh melakukan pelbagai langkah dan kaedah untuk menyelamatkan bangunan bersejarah dan monumen daripada perobohan dan pemusnahan.

(e) Aspek Pendidikan

Pelbagai ilmu berkaitan bangunan kolonial dan bangunan bersejarah boleh dipelajari dengan memahami dan mengkaji bangunan warisan tersebut. Secara tidak langsung, pengkaji atau para pelajar akan mengetahui bukan sahaja kepentingan kewujudan bangunan dan monumen tersebut semasa era kolonial British, malah turut mengetahui kehidupan serta kebudayaan masyarakat penjajah dan tempatan pada ketika itu.

(f) Menjaga Fungsi dan Memanjangkan Jangka Hayat

Kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan juga adalah untuk menjaga fungsi dan memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan. Setiap bangunan mempunyai jangka hayat penggunaannya yang tersendiri. Bangunan kolonial yang berada di Malaysia pada hari ini adalah berusia dalam lingkungan 100 tahun dan lebih. Bagi mengekalkan kelangsungan hayat bangunan kolonial, pemuliharaan dan penyelenggaraan terhadap keadaan dan fungsi bangunan perlu dilakukan. Sekiranya tiada penyelenggaraan dijalankan secara terancang, maka tidak mustahil sekiranya jangka hayat bangunan serta kemudahan bangunan menjadi pendek dan singkat.

(g) Kos Pembaikan

Kos pemuliharaan dan penyelenggaraan biasanya jauh lebih rendah berbanding kos merobohkan dan membina bangunan baru. Penyelenggaraan penting bagi mengelakkan berlakunya kerosakan, menjamin nilai sesuatu perkhidmatan dan mengurangkan kos pembaikan. Justeru, pentingnya penyelenggaraan bangunan kolonial atau bangunan lama adalah disebabkan untuk mengurangkan kos pembaikan dan menghasilkan penjimatan yang besar berbanding pembinaan bangunan baru.

(h) Menjamin Keselamatan dan Kesihatan

Penyelenggaraan yang tidak mencukupi bagi sesebuah bangunan boleh menjadi faktor penyebab kemalangan, kecederaan atau kematian. Kepentingan penyelenggaraan bukan sahaja untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan tetapi ia juga mampu mencegah sebarang kemalangan atau kerosakan daripada berlaku. Demi menjaga keselamatan pengguna bangunan, penyelenggaraan bangunan secara menyeluruh perlu dilakukan termasuk pada bahagian terselindung seperti pendawaian elektrik, paip air, saluran penyaman udara, struktur dan sebagainya. Kepentingan pemuliharaan penyelanggaran juga adalah untuk menjamin keselamatan pengguna bangunan supaya tidak terdedah kepada sebarang ancaman bahaya dan kesihatan bangunan tersebut.

2.5 Isu dan Masalah Penyelenggaraan

(a) Peruntukan Dana yang Tidak Mencukupi

Tanpa kewangan dan sumber dana yang mencukupi ia menyebabkan kerja penyelenggaraan yang dilakukan tidak dapat mencapai piawaian yang ditetapkan. Peruntukan dana yang sedikit menyebabkan berlakunya penangguhan kerja-kerja penyelenggaraan yang boleh mengakibatkan kerosakan yang berlaku menjadi lebih teruk. Sikap pengurus bangunan kolonial yang hanya mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan tanpa ada sebarang usaha untuk mendapatkan bantuan daripada pihak NGO atau badan-badan persatuan warisan juga menyebabkan berlakunya masalah dalam usaha melaksanakan pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial.

(b) Kekurangan Pakar

Malaysia masih lagi menghadapi kekurangan pakar teknikal dan tenaga kerja yang mahir dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial. Tidak semua kakitangan dalam organisasi penyelenggaraan mempunyai kemahiran terhadap kerja-kerja penyelenggaraan. Kekurangan kemahiran pada kakitangan penyelenggaraan menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan atau pembaikan yang dilakukan tidak sempurna dan tidak mencapai piawaian yang sepatutnya.

(c) Pengurusan Inventori Penyelenggaraan

Bagi memastikan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial dapat dilaksanakan dengan sempurna dan lancar maka peralatan yang digunakan hendaklah mencukupi dan berada dalam keadaan baik. Kegagalan pihak pengurusan bangunan menguruskan inventori

penyelenggaraan menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan. Ianya ditambah buruk sekiranya ingin melakukan penyelenggaraan tidak terancang seperti penyelenggaraan kontigensi dan penyelenggaraan kecemasan. Ini kerana pemuliharaan dan penyelenggaraan tidak dapat dilakukan dengan kadar segera.

(d) Kekurangan Kakitangan dalam Organisasi Penyelenggaraan

Pihak pengurusan bangunan merasakan tidak perlu kakitangan yang ramai di bahagian penyelenggaraan kerana berpendapat bahawa kerja penyelenggaraan hanya dilakukan ketika berlakunya kerosakan. Ini menyebabkan kerja penyelenggaraan berkala tidak dapat dilaksanakan. Sekiranya penyelenggaraan berkala ini dapat dilakukan dengan sepenuhnya, maka bahagian penyelenggaraan bangunan kolonial tersebut dapat mengenalpasti masalah dan kerosakan yang berlaku dengan lebih awal.

(e) Reka Bentuk Bangunan

Antara isu dan masalah yang dihadapi bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan juga adalah reka bentuk yang merumitkan kerja penyelenggaraan. Sebagai contoh, penggunaan bahan binaan yang sukar dicari ganti dan ruang penyelenggaraan yang terlalu kecil. Kerja penyelenggaraan seringkali sukar untuk mendapatkan bahan ganti. Ini telah menjadi masalah kepada pengurus penyelenggaraan dan para kontraktor untuk menjalankan kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan memandangkan bahan ganti yang digunakan pada bangunan kolonial sukar untuk diperolehi.

(f) Kegiatan Vandalsme dan Sikap Pengguna Bangunan

Sesuatu yang amat mendukacitakan adalah kegiatan vandalism dan sikap tidak bertanggungjawab pengguna atau pelancong sering berlaku ke atas bangunan dan tapak warisan seperti menconteng, merosakan fabrik bangunan dan menggunakan kemudahan-kemudahan dalam bangunan dengan sesuka hati. Kegiatan ini juga merugikan serta menyusahkan pihak pengurusan penyelenggaraan bangunan dan tapak warisan kerana perlu membaiki kerosakan-kerosakan tersebut. Sikap pengguna bangunan dan kegiatan vandalism ini menyumbangkan kepada masalah penyelenggaraan.

3. Metodologi Kajian

Bahagian ini menerangkan tatacara kajian yang akan dilaksanakan dengan lebih jelas dan proses pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian. Penerangan ini adalah untuk memastikan proses kajian dilaksanakan dalam keadaan lancar dan teratur. Antara aspek yang perlu diambil kira dalam metodologi kajian ini adalah kaedah kajian dan reka bentuk kajian, instrumen kajian, analisis kandungan dan kaedah menganalisis data. Semua perkara ini akan dibincangkan secara lebih terperinci untuk memudahkan kajian berjalan dengan lancar.

3.1 Kaedah Kajian

(a) Kaedah Kualitatif

Melalui kaedah kualitatif, pihak pengkaji dapat mendengar cerita, pandangan dan pengalaman dari pihak responden. Responden juga dapat menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai sesuatu perspektif kepada pihak pengkaji. Kaedah kualitatif juga adalah kaedah untuk memperolehi sumber maklumat yang paling tepat dan merupakan kaedah untuk membuktikan bahawa data yang diperoleh adalah betul. Dalam kajian pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan sekolah kolonial di Sekolah Tinggi Muar ini, kaedah kualitatif dijadikan sebagai sumber utama untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan kajian. Pengutipan dan pengumpulan data adalah melalui kaedah temu bual. Responden terdiri daripada pengetua, guru dan pengurus penyelenggaraan Sekolah Tinggi Muar, Johor.

(b) Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan antara kaedah yang merangkumi kaedah kajian kualitatif. Kaedah temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan data kajian. Temu bual dikategori kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak bersruktur. Justeru, untuk kajian pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan sekolah kolonial di Sekolah Tinggi Muar ini akan menggunakan kaedah temu bual semi struktur bagi mendapatkan data dan maklumat untuk mencapai objektif kajian.

(c) Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini adalah kaedah temu bual. Kaedah temu bual adalah sesuai untuk memahami pandangan responden terhadap isu-isu dan perkara yang berlaku dalam situasi yang sebenar. Oleh itu, responden kajian ini adalah terdiri daripada pihak yang terlibat iaitu pengetua, guru dan pengurus penyelenggaraan Sekolah Tinggi Muar, Johor.

3.2 Analisis Data dan Dapatan Kajian

(a) Analisis Kandungan

Semua data dan maklumat yang diperoleh akan diproses dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Kaedah analisis kandungan ini dapat membantu untuk memberikan maklumat dan gambaran secara menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan. Data yang diperoleh disusun dalam bentuk jadual untuk dianalisis.

(b) Rakaman

Kaedah rakaman ini adalah untuk memastikan rekod perbualan kekal dan membolehkan pengkaji dapat memberikan tumpuan terhadap jawapan dan pandangan responden. Hal ini kerana, ketika temu bual dijalankan pengkaji hanya mencatat isi-isi penting sahaja.

(c) Transkrip

Semua data yang diperolehi hasil daripada temu bual yang dirakam ditranskripkan ke dalam bentuk Microsoft Word. Proses melakukan transkrip adalah dengan mengulang audio rakaman berulang kali bagi memastikan tidak ada data penting yang tertinggal. Justeru, kaedah menganalisis data adalah menggunakan transkrip yang mana hasil rakaman dipindahkan dalam bentuk penulisan.

4. Analisis dan Dapatan Kajian

Analisis data dan dapatan kajian ini membincangkan berkenaan hasil kajian terhadap bangunan sekolah kolonial di Sekolah Tinggi Muar, Johor. Hasil analisis dan dapatan kajian ini penting kerana ia menentukan sama ada objektif kajian telah terjawab ataupun sebaliknya. Instrumen yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah temu bual. Temubual semi struktur dijalankan bersama pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan kerja-kerja penyelenggaraan terhadap bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar.

4.2 Pengumpulan Data

Bagi memperoleh data yang diperlukan, pengkaji telah menemu bual 4 orang responden iaitu Pengetua, Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK), guru aliran perdana Sekolah Tinggi Muar dan pengawai Perancangan Bandar dan Desa di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap Majlis Perbandaran Muar. Soalan temu bual semi struktur ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A adalah bahagian latar belakang responden.

Bahagian B pula adalah bertujuan untuk menjawab objektif yang pertama iaitu mengenalpasti konsep dan kepentingan penyelenggaraan terhadap pemuliharaan bangunan-bangunan lama. Seterusnya, Bahagian C pula adalah bertujuan untuk menjawab objektif yang kedua iaitu mengkaji isu dan masalah yang dihadapi dalam pemuliharaan dan penyelenggaraan sekolah kolonial di bandar Muar.

4.3 Latar Belakang Responden

Responden pertama adalah Pengetua Sekolah Tinggi Muar iaitu Encik Mohammad Hatta bin Istamar. Terlibat secara langsung dalam menguruskan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar untuk mendapatkan dana, tenaga kerja, persetujuan penyelenggaraan bersama jabatan-jabatan kerajaan dan Jabatan Warisan Negeri Johor. Selain itu, responden kedua pula adalah Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK) iaitu Encik Md. Suhaimi bin Misran. Membantu pengetua dan pentadbiran sekolah untuk mendapatkan dana, sumber tenaga dan mendapatkan persetujuan bersama jabatan-jabatan kerajaan.

Seterusnya, responden ketiga pula adalah seorang guru aliran perdana Sekolah Tinggi Muar iaitu Encik Azman Ab.Rahim@Ibrahim. Merangkap pengurus yang menguruskan bangunan kolonial tersebut. Memegang jawatan sebagai pengurus bangunan kolonial sejak tahun 2000. Terlibat dalam permohonan pewartaan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar sebagai bangunan warisan. Merupakan penulis buku Sejarah Sekolah Tinggi Muar. Akhir sekali, responden keempat pula adalah Ketua Pengawai Perancang Bandar dan Desa di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Majlis Perbandaran Muar (MPM). Terlibat secara tidak langsung dalam meluluskan peruntukan dana dan tenaga kerja MPM untuk kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar.

4.4 Penetapan Kod Untuk Analisis Data

- R1 – Pengetua, Sekolah Tinggi Muar, Johor
- R2 - Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK), Sekolah Tinggi Muar, Johor
- R3 - Guru Sekolah Tinggi Muar, Johor
- R4 - Ketua Pegawai Perancang Bandar dan Desa Majlis Perbandaran Muar (MPM)

4.5 Hasil Pengumpulan Data Dari Temu Bual

(a) *Penyelenggaraan dan Kaedah Pemuliharaan*

Penyelenggaraan bangunan kolonial adalah bertujuan untuk mengekalkan keadaan fizikal bangunan, segala kelengkapan dan kemudahan ada di dalam bangunan tersebut boleh terus berfungsi dengan baik dan mengekalkan nilai bangunan itu. Daripada hasil temu bual yang telah dijalankan bersama R1 dan R3, bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar didapati melakukan penyelenggaraan yang tidak terancang. Menurut R1, kerja penyelenggaraan di bangunan colonial tersebut tiada perancangan khusus. Pihak pengurusan tidak dapat melakukan penyelenggaraan secara berjadual dan terancang disebabkan oleh masalah peruntukan dana tidak mencukupi. Selain itu, terdapat beberapa masalah lain yang wujud menyebabkan bangunan kolonial tersebut tidak dapat diselenggara mengikut jadual yang telah dirancang. Hal ini menyebabkan segala kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan sekiranya berlaku kerosakan atau kemasuhan sahaja.

Menurut R3, kerja-kerja penyelenggaraan bangunan kolonial tersebut dilakukan lebih kepada menjalankan pemberian ke atas kerosakan dan kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan apabila terdapat sebarang aduan terhadap kerosakan daripada pengguna bangunan ataupun pelajar. Sekolah Tinggi Muar lebih cenderung kepada penyelenggaraan kontigensi di bawah penyelenggaraan tidak terancang. Menurut R3 juga, Sekolah Tinggi Muar ini tidak pernah mengalami kerosakan yang sangat kritikal sejak dari penubuhannya. Pengkaji turut mengajukan soalan berkenaan kekerapan kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan yang dilakukan ke atas bangunan kolonial tersebut. Menurut R1, kekerapan penyelenggaraan bangunan kolonial ini kurang kerap dan penyelenggaraan akan dilakukan

dalam masa 5 tahun sekali. Hal ini kerana Sekolah Tinggi Muar melaksanakan penyelenggaraan tidak terancang dan segala kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan adalah berdasarkan kutipan dana dan peruntukan yang diperoleh.

Pengkaji turut mengajukan soalan untuk mengenalpasti tindakan terhadap kerja penyelenggaraan tidak terancang (penyelenggaraan kecemasan). Sekiranya berlaku kerosakan kecemasan ke atas bangunan kolonial, pihak jabatan warisan akan datang atau menghantar wakil dari Jabatan Kerja Raya Muar (JKR) untuk membaiki kerosakan tersebut. Sekolah Tinggi Muar tiada berlaku kerosakan kecemasan atau pengelenggaraan kecemasan yang amat teruk dan sekiranya kerosakan kecil, pihak sekolah akan cuba untuk memperbaikinya bersama kakitangan Sekolah Tinggi Muar dan tidak perlu memohon bantuan jabatan warisan.

(b) Kepentingan Penyelenggaraan ke atas Bangunan Kolonial

Kepentingan penyelenggaraan juga adalah untuk mengekalkan fungsi bangunan, mengekalkan nilai aset serta pengekalan imej sesebuah bangunan, mengekalkan reka bentuk dan mengekalkan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan pada bangunan tersebut. Bagi mengetahui kepentingan pemuliharaan dan penyelanggaraan banguan kolonial Sekolah Tinggi Muar, pengkaji telah menemu bual empat orang responden.

(i) Nilai Seni Bina

Bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan dari segi gaya seni bina. Bangunan kolonial mempunyai pelbagai pengaruh dan gaya seni bina bangsa yang menjajah serta pengaruh perkembangan tamadun sesuatu tempat. Pengkaji telah mengajukan beberapa soalan bagi mengetahui keunikan dan nilai seni bina bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar. Seni bina ini banyak menampilkan hiasan dan motif secara simetri iaitu berbentuk segi empat dan bulatan. Seni bina ini mempunyai nilai tersendiri dan difahamkan telah disesuaikan dengan iklim dan suasana budaya tempatan.

Menurut R3, reka bentuk dan gaya seni bina bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar juga boleh dilihat pada elemen-elemen bangunan kolonial seperti tingkap cermin yang berkonsepkan keaslian Inggeris, kekisi di antara tiang-tiang besar, berbumbung limas yang menampilkan ciri-ciri seni bina tempatan yang disesuaikan dengan cuaca, gerbang pintu arca besar dan arca lengkungan di sekeliling bangunan serta dihiasi dengan ukiran birai ala Inggeris, penggunaan tiang batu berbentuk silinder mengelilingi bangunan, penggunaan pintu besar di sekeliling bilik darjah dan penggunaan kayu jati di setiap lantai bangunan kolonial tersebut.

(ii) Sejarah dan Nilai Warisan

Pengekalan bangunan dan kawasan bersejarah dapat dijadikan sebagai bahan-bahan bukti sejarah. Hasil daripada temu bual yang dijalankan. Didapati bahawa bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar mempunyai sejarah dan nilai warisan yang mendalam. Menurut R3, bangunan siap dibina pada 1914 dan mula dirasmikan pada tahun 1915. Pada zaman Jepun (1942-1945), bangunan colonial Sekolah Tinggi Muar ini pernah dijadikan sebagai sekolah Jepun yang dikenali sebagai "Shoji". Bangunan Sekolah Tinggi Muar ini juga pernah berperanan sebagai Pusat Lanjutan Normal (Normal Classes) untuk melatih guru-guru Sekolah Inggeris sebelum perang sehingga pada tahun 1960. Apabila kerajaan mengadakan rancangan Pusat Latihan Daerah (Regional Training School), bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar ini turut digunakan untuk tujuan tersebut. Justeru, bagi mengekalkan nilai warisan budaya dan nilai sejarah serta kenangan tentang kewujudan sesebuah bangunan kolonial penyelenggaraan perlulah dilakukan mengikut jadual yang telah dirancang oleh pihak pengurusan penyelenggaraan.

(iii) Sektor Pelancongan

Bangunan kolonial boleh dikategorikan sebagai industri atau bidang yang menyumbang kepada

sektor pelancongan. Pengkaji turut mengajukan soalan berkaitan mengetahui usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dan pihak Majlis Perbandaran Muar menjadikan bangunan kolonial ini termasuk dalam sektor pelancongan kepada orang awam. Menurut R3, bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar ini merupakan antara sekolah yang paling dikenali di daerah Muar. Dengan nilai seni dan sejarah penubuhannya mampu menarik ramai pelancong atau pengkaji-pengkaji untuk melakukan kajian dan datang ke sekolah ini. Menurut R1 juga, pihak sekolah turut membuka akaun Facebook untuk mempromosikan dan berkongsi cerita berkenaan bahan sejarah yang ada di dalam muzium dan berkongsi cerita berkenaan keunikan serta sejarah bangunan colonial ini. Pihak MPM turut ada mempromosikan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar di Program Town Hall yang ada dilakukan pada setiap tahun di daerah Muar.

(iv) *Pembentukan Minda*

Pemuliharaan sesebuah bangunan kolonial dan banguan warisan amat penting dalam pembentukan minda generasi muda negara terutamanya ke arah penghayatan warisan dan khazanah negara. Menurut R1, pihak Sekolah kerap mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial untuk membentuk minda generasi anak-anak muda. Menurut R1 juga, kesedaran tentang pemuliharaan bangunan kolonial dan banguan warisan perlu dididik sejak dari bangku sekolah. Program Town Hall yang dianjurkan oleh pihak MPM Muar pada setiap tahun bukan sahaja mempromosikan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar malah turut mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan warisan. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk sebuah masyarakat yang sensitif terhadap sebarang perobohan dan pemusnahan ke atas bangunan dan monumen- monumen bersejarah.

(v) *Aspek Pendidikan*

Bangunan kolonial dan tapak monumen lama juga boleh memainkan peranan yang penting dalam pendidikan masyarakat Malaysia khususnya para pelajar dan para pengkaji. Menurut R3, bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar ini bukan sahaja menjadi tumpuan para pengkaji dari universiti malah turut menjadi tumpuan para pelajar dari sekolah menengah lain yang berada di daerah Muar untuk melakukan kajian PT3 mereka. Menurut R1, bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar mempunyai nilai seni bina, nilai budaya dan sejarah yang unik yang mampu menarik minat masyarakat luar. Setiap penubuhan bangunan warisan atau bangunan kolonial pasti mengandungi sejarah yang menarik bermula dari awal kewujudan sehingga ke hari ini. Secara tidak langsung, kesan daripada pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar akan memberi peluang kepada generasi muda terutamanya warga Muar mempelajari sejarah budaya masyarakat masa lalu.

(vi) *Menjaga Fungsi dan Memanjangkan Hayat Bangunan*

Salah satu sebab mengapa pentingnya pemuliharaan dan penyelenggaraan adalah untuk menjaga fungsi dan memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan. Hasil daripada temu bual mendapati bahawa walaupun bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar melakukan penyelenggaraan tidak terancang tetapi ianya tetap mengambil langkah untuk mengawal sedia bangunan colonial tersebut secara asas setiap hari. Menurut R3, bangunan tersebut difahamkan akan dicat semula dalam masa 7 hingga 10 tahun mengikut peruntukan yang dieproleh. Demi memanjangkan jangka hayat bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar, pihak pengurusan penyelenggaraan juga telah menggantikan lantai kayu lama dengan kayu jati yang baharu pada 2001. Ini kerana sejak penubuhan bangunan kolonial tersebut, pihak pengurusan belum pernah membuat sebarang penggantian lantai. Menurut R1 pula, warga Sekolah Tinggi Muar turut bersama-sama menjaga bangunan kolonial ini dari sebarang kerosakan. Sikap pengguna bangunan kolonial yang berdisiplin dan bersama-sama membantu menjaga bangunan tersebut menyebabkan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar masih gah sehingga kini.

(vii) *Kos Pembaikan*

Bangunan kolonial secara struktural berada dalam keadaan fizikal yang wajar dan tidak memerlukan

perubahan struktur yang berlebihan. Menurut R2, kos pembaikan bangunan warisan atau bangunan kolonial memerlukan modal yang besar tetapi tidak sebesar kos pembinaan bangunan baru. Kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan Sekolah Tinggi Muar pernah menelan belanja sebanyak RM 1 juta. Menurut R3 pula, pada tahun 2001 bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar pernah menelan belanja yang besar untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan. Kos pembaikan ini meliputi penukaran lantai kayu jati, mengecat semula dan kos mengupah kontraktor mengecat bangunan kolonial tersebut. Difahamkan juga bahawa untuk menjimatkan kos, kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan pada ketika itu mendapat bantuan daripada komuniti sekeliling.

(viii) *Menjamin Keselamatan dan Kesihatan*

Kepentingan penyelenggaraan bukan sahaja untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan tetapi ia juga mampu mencegah sebarang kecelakaan dan kerosakan daripada terus berlaku. Hasil temu bual mendapati bahawa walaupun bangunan kolonial tersebut melakukan penyelenggaraan tidak terancang tetapi ianya tetap mengambil langkah untuk mengawal sedia bangunan colonial tersebut secara asas setiap hari. Menurut R1, sejak penubuhan bangunan Sekolah Tinggi Muar ini belum ada kemalangan jiwa yang disebabkan bangunan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau aduan daripada pihak pengguna bangunan, pihak sekolah dan pihak pengurusan bangunan kolonial akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya. Menurut R2, pihak sekolah dan pihak pengurusan penyelenggaran tidak memandang remeh ke atas sebarang aduan yang berkaitan kerosakan bangunan tersebut. Ini kerana, bangunan tersebut digunakan setiap hari untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

(c) *Isu dan Masalah Dalam Penyelenggaraan Bangunan Kolonial*

(i) *Peruntukan Dana yang Tidak Mencukupi*

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, didapati bahawa pihak pengurusan bangunan colonial Sekolah Tinggi Muar terpaksa melakukan penyelenggaraan tidak terancang disebabkan oleh masalah peruntukan dana yang tidak mencukupi. Menurut R2, pihak Sekolah Tinggi Muar tiada bajet khusus dari kewangan sekolah untuk menyelenggara bangunan kolonial tersebut. Keadaan ini dikeruhkan lagi dengan makluman bahawa sukar juga untuk mendapatkan peruntukan dana dari Jabatan Warisan Negeri Johor untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan berjadual. Menurut R1, disebabkan lambat dan sukar untuk mendapatkan peruntukan dana dari Jabatan Warisan Negeri Johor untuk kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan, pihak pengurusan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar terpaksa bergerak secara sendiri untuk mendapatkan bantuan peruntukan dana dari pihak komuniti seperti Pejabat Pendidikan Daerah Muar (PPD), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Pejabat Daerah Muar, Bomba Muar, SWM Environment Muar, Ranhill SAJ Muar, Tenaga Nasional Berhad Muar dan JKR Daerah Muar.

Menurut R3, pihak pengurusan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar juga bergerak secara sendiri untuk mendapatkan bantuan dana daripada wakil rakyat yang juga bekas pelajar Sekolah Tinggi Muar seperti Dato' Khalid bin Nordin, Dato' Abdul Ghani bin Othman, Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Md Yassin, Dato' John Jaafar dan banyak lagi. pihak Majlis Perbandaran Muar turut memberikan peruntukan dana untuk kerja-kerja pemuliharaan namun jumlah dana tahunan tidak ditetapkan. Ini kerana, sekolah tersebut telah diwartakan di bawah Jabatan Warisan Negeri Johor dan bidang kuasa sekolah adalah lebih di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Muar. Menurut R1 dan R2, peruntukan dana yang diterima dari semua pihak tidak cukup untuk melakukan pemuliharaan dan penyelenggaraan penuh.

(ii) *Kekurangan Tenaga Pakar*

Hasil dari temu bual mendapati bahawa Sekolah Tinggi Muar turut mengalami masalah kekurangan tenaga pakar untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan. Menurut R1, kolaborasi bersama jabatan-jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) bukan sahaja untuk mendapatkan peruntukan dana. Malah, ianya juga adalah untuk mengatasi kekurangan tenaga pakar yang dialami oleh

pihak pengurusan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar itu. Menurut R2, kerjasama yang dijalankan juga dapat membantu pihak pengurusan bangunan kolonial dari segi tenaga pakar. Dapat dilihat bahawa berlaku masalah struktur bumbung terlilih, JKR bantu untuk membaik pulih kerosakan tersebut. Kerjasama dengan TNB, SAJ dan Bomba, juga membantu dalam membersihkan bangunan kolonial sebelum kerja-kerja pengecatan semua dilakukan. Menurut R4, pihak Majlis Perbandaran Muar akan turut serta pada setiap kali kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan di bangunan kolonial di daerah Muar. Berkennaan masalah kekurangan tenaga pakar, pihak majlis akan menghantar kakitangan untuk membantu dalam kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

(iii) Pengurusan Inventori Penyelenggaraan

Kelemahan menyediakan segala inventori dan peralatan pemuliharaan dan penyelenggaraan, secara tidak langsung menyebabkan penyelenggaraan tidak terancang tidak dapat dilakukan dengan segera. Hasil dari temu bual mendapati bahawa peralatan pemuliharaan dan penyelenggaraan di bangunan sekolah kolonial ini berada pada tahap yang rendah dan tidak mempunyai semua peralatan yang lengkap untuk penyelenggaraan bangunan warisan tersebut. Menurut R1, kolaborasi bersama komuniti iaitu jabatan-jabatan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) turut mendapatkan bantuan dari segi inventori penyelenggaraan. Menurut R4, pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM) akan menyediakan atau memberi pinjam inventori penyelenggaraan pada mana-mana pihak yang ingin melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan di bangunan warisan atau bangunan kolonial di daerah Muar. Pengkaji turut mengajukan soalan iaitu sekiranya berlaku kekurangan inventori penyelenggaraan, bagaimana untuk menguruskan penyelenggaraan tidak terancang (penyelenggaraan kecemasan). Menurut R1, pihak pengurusan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar akan menghantar surat makluman kepada Jabatan Warisan Negeri Johor berkennaan kerosakan bangunan kolonial. Jabatan Warisan Negeri Johor akan datang atau pihak JKR akan mewakili untuk membaik pulih kerosakan tersebut. Kerja-kerja baik pulih tersebut akan menggunakan peralatan JKR.

(iv) Kekurangan Kakitangan dalam Organisasi Penyelenggaraan

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati bahawa kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan akan dilakukan secara bergotong-royong. Menurut R1, kolaborasi bersama komuniti iaitu jabatan kerajaan dan badan bukan kerja (NGO) seperti Pejabat Pendidikan Daerah Muar (PPD), Majlis Perbandaran Muar (MPM), Pejabat Daerah Muar, Bomba Muar, SWM Environment Muar, Ranhill SAJ Muar, Tenaga Nasional Berhad Muar dan JKR Daerah Muar akan turut serta bergotong-royong dalam kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan.

Menurut R2 dan R3 pula, kakitangan Sekolah Tinggi Muar dan alumni turut serta berganding bahu dalam kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan di bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar seperti sebelum ini. Menurut R4, pihak Majlis Perbandaran Muar (MPM) juga terlibat sama dalam kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan di bangunan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar. Berkennaan masalah kekurangan kakitangan dalam organisasi penyelenggaraan, pihak MPM akan menghantar kakitangan untuk membantu dalam kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan bangunan tersebut.

(v) Reka Bentuk Bangunan

Hasil daripada temu bual yang dijalankan bersama R3, tiada masalah reka bentuk bangunan yang dihadapi oleh pengurusan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar. Walaupun bangunan Sekolah Tinggi Muar berkonsepkan kolonial Inggeris, seni bina dan reka bentuk serta alat ganti terhadap sesuatu reka bentuk tersebut telah pun disesuaikan dengan cuaca dan diterapkan dengan seni bina Melayu. Pengkaji turut mengajukan soalan, adakah berlaku pembinaan semula bangunan berteraskan konsep reka bentuk asal bangunan sepanjang penubuhan bangunan kolonial tersebut. Hasil dari temu bual tersebut, R1 dan R4 mengatakan bahawa bangunan warisan tidak boleh ditambah atau diubahsuai.

(vi) Kegiatan Vandalisme dan Sikap Pengguna Bangunan

Sesuatu yang amat mendukacitakan adalah kegiatan vandalisme dan sikap yang tidak bertanggungjawab pengguna atau pelancong sering berlaku ke atas bangunan dan tapak warisan seperti

menconteng, merosakan fabrik bangunan dan menggunakan kemudahan dalam bangunan dengan sesuka hati. Pengkaji telah menemu bual untuk mendapatkan maklum balas berkaitan isu dan masalah kegiatan vandalisme serta sikap pengguna bangunan yang kerap dialami oleh bangunan kolonial dan tapak warisan. Menurut R1, kegiatan vandalisme dan sikap pengguna yang tidak bertanggungjawab tidak berlaku di Sekolah Tinggi Muar. Ini kerana, pengguna dan pelajar Sekolah Tinggi Muar berdisiplin, dalam keadaan terkawal dan mereka bersama-sama menjaga bangunan kolonial ini. Menurut R3, sekiranya berlaku sebarang kerosakan adalah disebabkan masalah keuzuran dan sumber alam. Kedudukan bangunan kolonial Sekolah Tinggi Muar adalah berdekatan Sungai Muar. Oleh itu, bangunan mudah untuk mengalami kerosakan dari sumber alam. Menurut R1 juga, menyatakan bahawa sesuatu kerosakan di bangunan Sekolah Tinggi Muar itu adalah disebabkan oleh usia, angin, barang atau sesuatu itu telah lama dan tidak ada berlaku kegiatan vandalisme di Sekolah Tinggi Muar ini.

5. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa bangunan kolonial tersebut melakukakn kaedah penyelenggaraan tidak terancang. Selain itu, pengkaji dapat mengenalpasti kepentingan penyelenggaraan iaitu daripada aspek nilai seni bina bangunan, sejarah dan nilai warisan bangunan tersebut. Bangunan kolonial boleh menjadi salah satu tarikan pelancongan di mana ia dapat membantu pembentukan minda generasi muda dan menjadi sumber rujukan dalam aspek pendidikan. Selain itu, penyelenggaraan akan dapat menjaga fungsi dan mengekalkan jangka hayat bangunan, kos pembaikan yang tinggi dan pentingnya melakukan penyelenggaraan adalah untuk menjamin keselamatan pengguna dan kesihatan bangunan. Kekurangan tenaga pakar, masalah pengurusan inventori penyelenggaraan dan kekurangan kakitangan dalam organisasi penyelenggaraan merupakan beberapa kekangan yang dihadapi dalam pengurusan penyenggaraan sekolah bersejarah ini selain masalah reka bentuk dan kegiatan vandalisme.

Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan sokongan yang diberikan.

Rujukan

- Ahmad, A.G. (1997). "British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930", Museums Association of Malaysia,Kuala Lumpur.
- Atom U. (2021). Sejarah Sekolah Tinggi Muar. Diakses daripada <http://lrkhsm2014.blogspot.com/2014/07/sejarah-sekolah-tinggi-muar.html>
- Ahmad Bin Ramli (2002). "Pengurusan Penyelenggaraan". Penerbitan Pustaka Ilmi, Malaysia.
- Azlan Shah Ali (2013). "Teknologi dan Pengurusan Penyelenggaraan Bangunan". Kuala Lumpur: UniversitiMalaya : Tesis Sarjana Muda.
- Bill Hamilton & Dr Wan Salleh Wan Ibrahim (2001) Maintenance of Building Important. New Straits Times (NST). Faculty of Architecture, Planning and Surveying, UiTM. 20 June.
- Fatimah, Z., Zainal, A. and Ashraf, A. R. (2011). Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Sains Sosial. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Hamsah, E. (2006). Pemeliharaan Kawasan Warisan. Kajian Kes Zon Pemuliharaan dan Pemugaran. Bengkel Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah. Melaka.
- Hasnan Abdullah (1994). Pengurusan Penyelenggaraan. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia. Jabatan Warisan Negara. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) (2006). Diakses daripada <http://www.jmm.gov.my/>
- Kamus Dewan (2006). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Dwibahasa Oxford-Fajar (2007). Edisi Keempat. Oxford Fajar Sdn. Bhd: Selangor
- Ku, U. (2017). Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif. Diakses daripada <https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Noraziah Hamid (2000). "Kajian Terhadap Kos Pemuliharaan Bagi Bangunan Bersejarah di Pulau Pinang". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Nor Amiza Ismail (2013). "Penyelenggaraan Bangunan Warisan di Kuala Lumpur",, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai: Tesis Sarjana Muda

- PERZIM (2006). Pengenalan bengkel konservasi monumen dan tapak tanah bersejarah. Melaka. Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).
- Sejarah. (2018). Sekolah Tinggi Muar. Diakses daripada <https://stmuarjohor.wordpress.com/sejarah-2/>
- Shukoor Bin Ahmad Taupek. (2016). "Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bangunan Lama di Alor Setar". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- User, S. (2016). "Pemuliharaan Bangunan Kolonial". Jabatan Warisan Negara Malaysia 2020. <http://www.heritage.gov.my/bangunan-kolonial.html>
- Utusan Malaysia Online (2009). 11 Bangunan Bersejarah di Seluruh Negara Akan Dipulihara. Utusan Malaysia, Mac 2009.